

Headline	Pengguna berhemah dapat manfaat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	17
ArticleSize	386 cm ²	Journalist	Faris Fuad faris
PR Value	RM 38,346		



Tarif elektrik ikut waktu penggunaan

Pengguna berhemah dapat manfaat

Cadangan cetus pro dan kontra, TNB diminta bersikap adil

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cadangan penganan tarif mengikut waktu penggunaan bagi sektor domestik dijangka memberi manfaat kepada kalangan pekerja pejabat, tetapi akan memberi kesan kepada yang bekerja syif, suri rumah dan warga emas yang banyak menggunakan elektrik pada waktu siang. Bagaimanapun, kalangan persatuan pengguna berpendirian orang ramai juga perlu memainkan peranan proaktif untuk mengambil langkah penggunaan tenaga secara berhemah dengan dengan memastikan suis peralatan elektrik ditutup ketika tidak digunakan atau

apabila keluar rumah.

Sehubungan itu, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) berpendapat cadangan kadar tarif berbeza mengikut waktu penggunaan mempunyai kelebihan dan keburukan tersendiri.

Timbalan Presiden, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata tarif lebih tinggi pada waktu puncak iaitu antara jam 12 tengah hari hingga 6 petang dilihat sebagai 'durian runtuh' kepada pengguna yang bekerja pada waktu pejabat.

"FOMCA berpendapat ada positif dan negatifnya cadangan itu, namun ia lebih menjurus ke arah positif.

"Majoriti rakyat di negara ini bekerja pada waktu pejabat, ini sudah tentu akan membolehkan pengguna dikenakan caj elektrik pada kadar lebih rendah kerana mereka tidak berada di rumah ketika itu.

"Bagaimanapun, ada segelintir mengambil ringan perkara ini, tidak berada di rumah tidak bermakna tidak guna elektrik kerana ada yang tidak tutup suis moden



Tarif lebih tinggi pada waktu puncak iaitu antara jam 12 tengah hari hingga 6 petang dilihat sebagai 'durian runtuh' kepada pengguna yang bekerja pada waktu pejabat.

Mohd Yusof Abdul Rahman,
Timbalan Presiden FOMCA

internet dan televisyen sebelum keluar rumah masing-masing.

"Akhir sekali, pengguna yang memutuskan sama ada cadangan tarif berbeza mengikut waktu penggunaan akan memberi kesan positif atau negatif dan FOMCA yakin jika pengguna lebih cermat menggunakan elektrik, maka manfaatnya lebih menyeluruh," katanya pada *BH*, semalam.

Sementara itu, Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM), Azlin Othman, berkata cadangan itu seolah-olah hanya menyasarkan kumpulan pekerja waktu pejabat dan dilihat tidak adil kepada golongan lain seperti suri rumah serta warga emas.

"Dalam hal ini, kita perlu fikir secara menyeluruh. Sebagai contoh, suri rumah dan warga emas sudah tentu akan menggunakan bekalan elektrik pada waktu puncak itu, malah mungkin lebih banyak berbanding waktu lain.

"Dari jam 12 tengah hari hingga 6 petang, mereka akan masak untuk makan tengah hari, minum petang dan makan malam keluar-

ga selain cuci pakaian menggunakan mesin basuh.

"Kekalkan pembayaran caj secara purata tanpa mengikut waktu, cadangan itu hanya memberi kebaikan kepada sesetengah pihak, kita perlu bersikap adil dalam hal ini," katanya.

BH semalam melaporkan penggunaan elektrik bagi sektor domestik akan dikenakan tarif berbeza mengikut waktu penggunaan apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) dijangka memperkenalkan mekanisme harga berubah-ubah bermula suku pertama 2021.

Menerusi mekanisme itu, penggunaan elektrik pada waktu puncak iaitu 12 tengah hari hingga 6 petang akan dikenakan tarif lebih tinggi berbanding waktu luar puncak. Kadar tarif asas kini adalah 39.45 sen per kilowatt jam (kWh).

Caj elektrik kini dikira berdasarkan jalur penggunaan iaitu 200kWh pertama, kadar tarif ialah 21.80 sen/kWh, bagi jalur 201-300kWh, kadarnya ialah 33.40 sen manakala bagi jalur 301-600kWh ialah pada 51.60 sen bagi setiap kWh.